

# UniMAP Tuan Rumah COP 2016



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bakal menjadi Tuan Rumah bagi mesyuarat Council of Presidents (COP) Global U8 Consortium (GU8) yang dijangka berlangsung pada April 2016. Perkara itu telah diputuskan dalam mesyuarat COP GU8 yang diadakan di La Harve, Perancis pada 15 hingga 16 April 2014 lalu di mana Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal telah hadir mewakili Naib Canselor.



Pada mesyuarat itu juga, Pengerusi Majlis Profesor UniMAP Prof. Dr. Ali Yeon. Md. Shakaff telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Bersama GU8 yang memberi penekanan dalam bidang penyelidikan eco-toksikologi. Mesyuarat selama dua hari itu telah disertai oleh enam presiden dan wakil presiden serta 16 perwakilan dan urusetia dari lapan buah universiti.